

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan pembekal yang berdaftar dengan **MQA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya bertaraf **Bumiputera** atau **Bukan Bumiputera** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Pelawaan	Tarikh Tutup
9/2020	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Menyelenggara <i>Endpoint</i> Beserta Khidmat Sokongan Selama Tiga (3) Tahun Bermula Oktober 2020 Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	<p>(a) Bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang: 210107 - ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus</p> <p>(b) Hanya pembekal yang berdaftar sahaja akan dipelawa untuk menyertai sebut harga ini; dan</p> <p>(c) Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di http://www2.mqa.gov.my/pembekal/ selewat-lewatnya 18 Ogos 2020 (Selasa) sebelum jam 10 pagi.</p>	19 Ogos 2020 (Rabu)	28 Ogos 2020 (Jumaat), Jam 12.00 tengah hari

2. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **hendaklah** mengemukakan satu salinan sijil yang masih dalam tempoh sah laku seperti senarai semak yang disediakan serta menyatakan nombor sebut harga yang ingin disertai melalui emel kepada pegawai di bawah **selewat-lewatnya 19 Ogos 2020 (Rabu) sebelum jam 10 pagi**.

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
9/2020	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Menyelenggara <i>Endpoint</i> Beserta Khidmat Sokongan Selama Tiga (3) Tahun Bermula Oktober 2020 Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	<p>(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;</p> <p>(ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera);</p> <p>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>(iv) Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia</p>

		(Akta Cukai 2018) (jika berkenaan); dan (v) profail syarikat.
--	--	--

Nama pegawai	No. Telefon	Alamat e-mel
Puan Nezhaneza Binti Md Esa	03-8688 1921	nezhaneza@mqa.gov.my
Puan Nida-Ulhayat Binti Rosali	03-8688 1928	nidaulhayat@mqa.gov.my

3. Setelah MQA menerima dokumen lengkap daripada pihak tuan, Surat Pelawaan Sebut Harga beserta dokumen sebut harga yang bernombor akan dikemukakan kepada pembekal yang layak bermula pada tarikh sebut harga dibuka secara emel (*softcopy*).
4. Selaras dengan Wabak Covid-19 yang sedang melanda negara ketika ini, MQA tidak akan mengadakan taklimat sebut harga.
5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 28 Ogos 2020 (Jumaat)
 Masa : sebelum 12.00 tengah hari
 Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia
 Mercu MQA
 No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
 63000 Cyberjaya
 Selangor Darul Ehsan

6. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan iaitu **pada 28 Ogos 2020 (Jumaat) selepas jam 12.00 tengah hari** tidak akan dipertimbangkan.
7. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
8. **Sebarang perubahan terhadap dokumen sebut harga adalah tidak dibenarkan dan dilarang.** Sekiranya terdapat bukti perubahan terhadap dokumen telah dibuat, pembekal akan disenarai hitam oleh pihak MQA dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai sebarang perolehan dengan MQA pada masa akan datang.
9. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.

10. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
11. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.